

Padah terlibat dadah, penganggur warga asing dipenjara 12 minggu

MIRI: Seorang penganggur warga asing dijatuhi hukuman penjara 12 minggu oleh Mahkamah Majistret setelah mengaku bersalah atastuduhan terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Ma h k a m a h t u r u t memerintahkan tertuduh supaya dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Tony, 25, dari Lombok, Indonesia telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1)

(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jikasabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB

1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 8.30 malam, 23 Januari tahun ini di pejabat Bahagian Siasatan

Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Selain itu, dia juga merayu supaya dihantar pulang ke negara asalnya.

P e n d a k w a a n k e s dikendalikan oleh Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Ashok Linggam manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.